

Headline	Pesakit HIV tiga kali ganda mungkin alami strok	Language	Malay
Date	21 Jan 2011	Page No	7
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Article Size	100 cm²
Section	Dunia/Asean	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	206
Frequency	Daily	PRValue	618
Circ / Read	29,826 / 97,836		



Pesakit HIV tiga kali ganda mungkin alami strok

WASHINGTON: Orang yang mempunyai HIV adalah tiga kali ganda kemungkinan mengalami strok, menurut satu kajian dikeluarkan pada Rabu, yang mana mendorong penyelidik mempersoalkan jika dadah "antiretroviral" boleh menjadi penyebab.

Antara orang yang tinggal di Amerika Syarikat dengan virus tersebut yang menyebabkan AIDS, rawatan strok di hospital meningkat kepada 67 peratus sejak dekad lalu, manakala dalam kalangan penduduk awam ia menurun tujuh peratus, kata kajian itu dalam jurnal *Neurology*.

Penyelidik mengkaji semua

pesakit strok yang di masukkan ke hospital Amerika Syarikat dalam tempoh 10 tahun lalu, dan mendapati jumlah tersebut menurun.

Namun di kalangan orang yang mengidap HIV, 537 lagi strok dicatatkan dalam tempoh sama.

Orang dengan HIV menunjukkan satu peningkatan dalam jenis strok tertentu, dipanggil "ischemic," yang menyebabkan darah membeku dalam otak. Strok "ischemic" merupakan jenis paling lazim.

"Purata umur untuk strok di kalangan orang ramai yang mempunyai HIV ialah berusia 50an, yang mana lebih rendah berbanding orang yang tidak ada HIV," kata

Bruce Ovbiagele, seorang profesor neurosains di University of California, San Diego.

"Penemuan itu mengesyorkan bahawa HIV atau rawatan HIV mungkin secara langsung dikaitkan dengan berlakunya strok."

Pertubuhan Kesihatan Sedunia berkata, terapi "antiretroviral" menyebabkan "pengurangan besar" dalam kadar kematian di kalangan pengidap HIV.

Daripada jumlah 33.3 juta orang yang hidup dengan HIV di seluruh dunia, sekurang-kurangnya 14.6 juta memerlukan terapi "antiretroviral" pada 2009, kata WHO dan UNAIDS. - AFP